



PERATURAN LARIAN SAF

1.0 UNDANG – UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 2.1 Terbuka kepada pelajar-pelajar sepenuh masa dengan mewakili Fakulti masing-masing.
- 2.2 Setiap Fakulti dibenarkan mendaftar **TIDAK MELEBIHI 100** orang lelaki dan **100** orang wanita bagi mewakili Fakulti masing-masing.

3.0 PAKAIAN

Pakaian sukan yang bersesuaian. Pakaian 'running vest' adalah dibenarkan.

4.0 PEMBERIAN MATA BAGI PENYERTAAN LARIAN SAF:

Bil	Mata	Bilangan Peserta
4.1	5	100
4.2	4	80
4.3	3	60
4.4	2	40
4.5	1	20

5.0 HAD MASA PEMBERIAN MATA DAN HADIAH INDIVIDU

- 5.1 Hadiah individu tempat Pertama (1) hingga Dua puluh (20)
- 5.2 Pemberian mata:

Bil	Mata	Masa/Tempat	
		Lelaki	Wanita
4.2.1	20	Tempat 1	Tempat 1
4.2.2	18	Tempat 2	Tempat 2
4.2.3	16	Tempat 3	Tempat 3
4.2.4	14	Tempat 4	Tempat 4

4.2.5	10	Tempat 5 – 20	Tempat 5 – 20
4.2.6	5	20 minit ke bawah	30 minit ke bawah
4.2.7	1	40 minit ke bawah	45 minit ke bawah
4.2.8	Masa Tamat	Minit ke - 50	

- 5.3 Mata hanya akan dikira
- 5.3.1 Mengikut kad mata yg diberi di penamat dan bersama barangan yang diberi di "check point".
- 5.3.2 Sekiranya kad atau barang yang ada tidak sama maka tiada mata akan diberi
- 5.4 Pemberian mata keseluruhan sila rujuk perkara 6.1 di dalam Undang-undang dan Peraturan Am Sukan Antara Fakulti.

6.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang – Undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

7.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan individu.

8.0 KATEGORI, LALUAN DAN JARAK LALUAN

- 8.1 Laluan sekitar UiTM (Lelaki / Wanita), Mula dan Tamat di Padang Kawad UiTM.
- 8.2 Jarak larian 5 km (Lelaki / Wanita).
- 8.3 Peta dilampirkan.

9.0 LAIN- LAIN SYARAT

- 9.1 Setiap peserta diwajibkan mengikut laluan yang ditetapkan oleh pihak penganjur atau dibatalkan penyertaannya.
- 9.2 Yang tidak menamatkan larian atau menaiki kenderaan akan dibatalkan penyertaannya.
- 9.3 Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan/kerosakan harta benda, kemalangan sebelum, semasa atau selepas acara larian.

10.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA

